

30/01/2003

Tangani perbalahan dalam Umno sebaik mungkin: TPM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata sebarang perbalahan

dalam Umno perlu ditangani sebaik mungkin bagi mengelakkan kehilangan sokongan terhadap parti.

Sambil menyifatkan masalah itu sebagai tidak begitu serius, Timbalan Presiden Umno itu berkata, perbalahan perlu diuruskan dan semua ahli perlu

menangani setiap isu yang boleh menjejaskan Umno dan menyedari apa yang berlaku sekeliling mereka.

"Jika kita tidak menanganinya (perbalahan), apa saja boleh berlaku...apa

saja boleh berlaku kepada sesiapa pun. Sebab itulah kita selalu bermesyuarat, beri taklimat apa yang perlu dilakukan, apa yang berlaku di

peringkat bawah.

"Bagaimana pula keadaannya, apa isu yang menjejaskan kita dan bagaimana

kita mengendalikan pelbagai isu ini. Maka hal ehwal parti perlu diuruskan

setiap masa dan itulah yang Umno lakukan," katanya selepas mempengerusikan

mesyuarat Pengurusan Umno, di sini semalam.

Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir dalam siaran CNBC TV malam semalam yang bimbang perbalahan di kalangan ahli Umno boleh menyebabkan parti itu kehilangan sokongan dan bukan kerana parti pembangkang kuat.

Abdullah juga berkata, ia adalah satu peringatan dan amaran yang baik daripada Perdana Menteri untuk semua ahli Umno.

Katanya, walaupun masalah perbalahan dalam Umno tidak serius, ia sesuatu

yang perlu disedari oleh ahli parti atau mana-mana parti dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

Beliau berkata, sebagai parti yang telus dan mengamalkan demokrasi, memang sedikit sebanyak wujud perbalahan tetapi bagi Umno ia adalah sesuatu yang boleh ditangani.

"Ia bukan sesuatu yang kita tidak boleh diuruskan...ia boleh diuruskan selagi kita sedar, iaitu sesuatu mesti dilakukan bagi menjamin masalah ini

tidak terus menular atau berkembang yang boleh menjejaskan parti.

Tetapi,

jika anda membiarkannya tanpa memberi perhatian, maka ia boleh menular kepada keadaan yang boleh menjejaskan kepentingan parti.

"Tetapi sejauh pengetahuan saya sebagai orang yang sudah lama dalam Umno

sejak 1965, semua ini berlaku. Tetapi inilah demokrasi, orang mempunyai idea yang berbeza," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tradisi dalam Umno tetap kekal, iaitu semua akan

patuh kepada kehendak majoriti dan menjadi kebiasaan semua menerima suara majoriti ahli.

Abdullah turut menolak tanggapan sesetengah pihak kononnya Umno terus dilanda masalah berpuak-puak di kalangan ahlinya pada pelbagai peringkat, khususnya peringkat atasan.

"Tak ada, itu cakap orang saja yang suka melihat Umno ini jadi kelam-kabut, macam-macam buat cerita dan andaian. Kita parti yang besar dan berpengaruh. Jadi, tentulah orang berminat dengan apa yang Umno nak buat, apa orang Umno sedang buat, apakah kemungkinan yang akan berlaku dalam Umno.

"Itu yang menjadi subjek spekulasi dan pandangan yang macam-macam diberikan oleh pelbagai pihak.

"Yang pentingnya, Umno mesti menang, mesti sentiasa memusatkan perhatiannya kepada apa yang perlu dilakukan, apa yang perlu kita jalankan untuk menghadapi misalnya pilihan raya," katanya.